

Warga PPRT Sungai Tengar Utara dipindah


SABAK BERNAM 15 Nov. - Sera mai 66 mangsa daripada 15 keluarga di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Sungai Tengar Utara di sini, dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Orang Ramai Sungai Air Tawar selepas kawasan penempatan mereka dinaiki air pagi ini.

Perkara itu disahkan Komander Operasi Pengurusan Bencana Daerah Sabak Bernam, Superintenden Nor Azmi Isa, selepas kawasan PPRT itu dilaporkan dinaiki air kira-kira setinggi 0.4 meter susulan fenomena air pasang besar dan kesemua mereka mula dipindahkan sejak pukul 8.30 pagi ini.

“Setakat hingga 12.00 tengah hari ini, mangsa yang dipindahkan di pusat pemindahan banjir itu melibatkan 37 lelaki dan 29 wanita.

“Daripada jumlah itu, pecahan mangsa terlibat terdiri daripada 22 lelaki dewasa, 18 wanita dewasa dan 14 kanak-kanak lelaki serta 10 kanak-kanak perempuan termasuk dua bayi,” katanya di sini hari ini.

Tambah Nor Azmi yang juga Ketua Polis Daerah Sabak Ber-



KEADAAN banjir melibatkan 15 rumah di PPRT Sungai Tengar Utara, Sabak Bernam, Selangor, semalam. - UTUSAN/HUSSAIRY SIDEK

nam, semua agensi yang terlibat bersiap sedia di pusat pemindahan dan melakukan peman-tauan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan fenomena air pasang besar yang masuk hari kedua hari ini menyebabkan ban mini yang baru dibina sepanjang kira-kira 250 meter pecah.

“Cadangan penyelesaian jangka pendek Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran bagi mengatasi masalah itu adalah dengan melakukan kerja-kerja menambak ban baharu dan memasang pam bagi mengeluarkan air dari kawasan PPRT itu,” katanya.

Namun bagi jangka masa panjang katanya, JPS bercadang untuk mengkaji kawasan ban pecah terbabit termasuk kawasan sekitarnya menerusi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) daerah Sabak Bernam.